

SOALAN LAZIM

UNIT TRUST 2026 FESTIVE CAMPAIGN

Dokumen ini membantu pelanggan memahami cara untuk menyertai *Unit Trust 2026 Festive Campaign* (Kempen), syarat utama serta keistimewaan yang ditawarkan.

1) Apakah *Unit Trust 2026 Festive Campaign*?

Kempen pelaburan jangka pendek oleh Bank Rakyat yang menawarkan kadar caj jualan istimewa kepada pelanggan yang melabur dalam Unit Trust (pelaburan secara tunai) serta melanggan sekurang-kurangnya satu (1) produk Takaful atau Wasiat.

2) Berapa lamakah tempoh Kempen ini?

Kempen ini akan berlangsung dari 1 Mac 2026 hingga 30 April 2026.

3) Siapakah yang layak untuk menyertai Kempen ini?

Semua pelanggan individu Bank Rakyat yang mempunyai Akaun Simpanan-i/Semasa-i yang aktif dan lulus penilaian kesesuaian pelaburan.

4) Apakah antara syarat pelaburan yang ditetapkan?

Pelaburan minimum berjumlah RM100,000 dalam dana yang mempunyai caj jualan (*upfront sales charge*). Pelaburan tersebut mestilah menggunakan dana tunai (*cash-funded*) dan dilakukan dalam tempoh Kempen.

5) Adakah saya akan menerima sebarang hadiah?

Tiada sebarang hadiah atau *cashback* ditawarkan. Kempen ini hanya menawarkan keistimewaan harga (*pricing privilege*).

6) Apakah kadar caj jualan yang ditawarkan?

Pelaburan	Caj Jualan
RM100,000 – RM299,999	2.00%
RM300,000 – RM499,999	1.50%
RM500,000 dan ke atas	1.00%

7) Adakah terdapat sebarang syarat tambahan?

Pelanggan perlu melanggan sekurang-kurangnya satu (1) produk Takaful ATAU Wasiat.

8) Bolehkah saya membuat pelaburan melalui KWSP?

Tidak. Pelaburan mestilah menggunakan wang tunai sahaja.

9) Apakah keistimewaan yang akan saya perolehi jika saya melabur lebih daripada RM500,000?

Pelanggan yang membuat pelaburan Unit Trust berjumlah RM500,000 dan ke atas bagi setiap transaksi yang layak akan menikmati kadar caj jualan istimewa sebanyak 1.00%, iaitu kadar terendah semasa tempoh Kempen dijalankan.

10) Adakah tawaran Kempen ini boleh digabungkan dengan promosi lain?

Keistimewaan kadar caj jualan di bawah Kempen ini adalah khusus dan tidak boleh digabungkan atau digunakan bersama mana-mana promosi, tawaran harga khas, rebat budi bicara, kadar warga kerja, Kempen jualan lain atau apa-apa pengaturan harga istimewa yang ditawarkan oleh Bank.

11) Apakah yang berlaku jika pelaburan dibatalkan, ditarik balik atau ditebus dalam tempoh bertenang?

Pihak Bank berhak untuk membatalkan atau menarik balik keistimewaan kadar caj jualan tersebut dan membuat pelarasan sewajarnya, termasuk mengenakan semula kadar caj jualan piawai.

12) Adakah Kempen ini patuh Syariah?

Produk yang ditawarkan adalah di bawah kontrak Syariah masing-masing. Kempen ini tidak mengubah struktur Syariah produk.

13) Bagaimanakah maklumat lanjut mengenai Kempen ini boleh didapati?

- Pusat Panggilan Bank Rakyat: 1300 80 5454
- Laman web rasmi Bank Rakyat: www.bankrakyat.com.my
- Media sosial rasmi Bank Rakyat, atau
- Kunjungi cawangan Bank Rakyat berdekatan.

14) Adakah terdapat sebarang kos tersembunyi?

Tiada kos penyertaan Kempen dikenakan. Bagaimanapun, produk/perkhidmatan mempunyai caj/fi tersendiri.

Soalan lazim Kempen ini adalah tertakluk pada Terma dan Syarat Kempen serta terma lain yang ditetapkan oleh Bank Rakyat dari semasa ke semasa.